

04 NOV 2001

Asean-Syed Hamid

MAHATHIR AKAN ULANGI GESAAN KEPADA AS SUPAYA HENTI PENGEBOMAN

Oleh: David Chelliah

BANDAR SERI BEGAWAN, 4 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan mengulangi gesaannya kepada Amerika Syarikat supaya menghentikan pengeboman di Afghanistan pada Siang Kemuncak Asean ketujuh di sini yang bermula esok.

Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata Dr Mahathir akan menmyentuh mengenai keganasan dan menjelaskan pendirian Malaysia berhubung dengan serangan udara Amerika ke atas Aghanistan pada sidang kemuncak di sini.

Ketika memberi taklimat kepada wartawan Malaysia setibanya di sini hari ini untuk sidang kemuncak itu, beliau berkata Malaysia telahpun mengemukakan supaya cadangan seumpama itu dimasukkan dalam draf deklarasi Asean mengenai keganasan.

"Sama ada ia akan dijadikan pendirian bersama Asean, ia masih terlalu awal untuk menyatakan sambil mengaku ada beberapa bantahan dari negara-negara Asean sendiri mengenai cadangan Malaysia itu.

Beliau berkata Malaysia mengemukakan cadangan itu kerana itu adalah pendirian Malaysia yang menentang serangan udara yang menyebabkan orang yang tidak berdosa terbunuh di Aghanistan dan bukannya ditujukan kepada penganas yang bertanggungjawab terhadap serangan di Amerika Syarikat pada 11 Sept lalu.

Syed Hamid berkata Malaysia juga mencadangkan supaya persidangan antarabangsa mengenai keganasan tajaan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu diadakan dan juga mengenal pasti punca sebenar keganasan.

"Kami menyerahkan kepada ketua-ketua kerajaan di sini untuk menentukan apakah pendirian bersama Asean terhadap serangan udara Amerika Syarikat ke atas Afghanistan dan perlunya mengadakan forum antarabangsa bagi membincangkan keganasan," kata beliau.

Syed Hamid juga berkata Dr Mahathir akan mengumumkan pakej bantuan latihan bernilai RM5.1 juta bagi empat negara anggota Asean

-- Kemboja, Laos, Myanmar dan Vietnam -- semasa sidang kemuncak itu.

Beliau berkata pakej latihan itu, yang meliputi tempoh lebih tiga tahun adalah untuk membangunkan aspek sumber manusia negara-negara berkenaan.

"Ini adalah sumbangan kita yang berterusan kepada Asean. Kita telah memberi sumbangan tetapi yang lain tidak nampak...Sekarang kita akan memantau sumbangan kita supaya negara lain dalam Asean dapat melihat apa yang kita lakukan," kata beliau.

-- BERNAMA

DC FAZ